

TEKS UCAPAN
DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM CSR PANASONIC
20 OGOS 2016 (SABTU), 8.00 PAGI

Yang Berusaha Encik Tatsuo Nambu,
Pengarah Urusan Panasonic Malaysia

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua - ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pihak Pengurusan Panasonic Malaysia serta semua kakitangan Panasonic Malaysia yang terlibat samada secara langsung atau tidak dalam program CSR pada hari ini. Terima kasih juga kepada kakitangan MPSP sendiri yang turut bersama pada harini.

Para hadirin sekalian,

Jika dilihat di dalam Bajet 2016, pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai telah memberikan penekanan ke atas tujuh (7) fokus perkhidmatan teras seperti berikut :

- 1) Kebersihan sebanyak RM99.00 juta (37.3%)
- 2) Keselamatan dan Lalulintas sebanyak RM17.54 juta (6.6%)
- 3) Infrastruktur dan kemudahan awam sebanyak RM8.95 juta (3.4%)
- 4) Kawalan banjir sebanyak RM11.51 juta (4.3%)
- 5) Pengindahan dan kehijauan sebanyak RM5.06 juta (1.9%)

6) Penguatkuasaan Undang-Undang sebanyak RM4.50 juta (1.7%)

7) Penglibatan komuniti sebanyak RM3.12 juta (1.2%)

Objektif Program CSR Panasonic pada hari ini ialah untuk memberi kesedaran kepada pekerja-pekerjanya mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar. Ini adalah seiring dengan fokus MPSP dalam menekankan penjagaan kebersihan serta mewujudkan pengindahan dan kehijauan bagi kawasan Seberang Perai.

Kain rentang yang ditandatangani oleh pekerja Panasonic sebagai *petition* yang menunjukkan sokongan terhadap alam sekitar merupakan satu langkah permulaan yang bijak. Setiap gerak kerja menjaga dan memelihara alam sekitar bermula dari pemikiran, hati dan dilangsungkan dengan perbuatan, atau kata mudahnya, boleh dirumuskan sebagai *head, heart and hand*. Saya juga telah dimkalumkan pada hari ini, akan terdapat beberapa aktiviti yang akan dijalankan iaitu sumbangan tong kitar semula, gotong royong pembersihan, mengecat bangku , menanam pokok dan pemeriksaan kesihatan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Matlamat kerajaan negeri adalah untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang mematuhi motto *cleaner, greener, safer and healthier* untuk didiami. Dengan adanya matlamat ini, maka ia akan menjadi pencetus semangat dalam membentuk perubahan dan memotivasikan semua pihak dalam membangunkan dan mengekalkan cara hidup serta pembangunan yang tidak mengabaikan alam sekitar.

1 Jun 2016 menyaksikan satu langkah besar yang telah diambil oleh Negeri Pulau Pinang dengan melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau pertama di dalam Malaysia. Bagi tempoh sebulan setengah Dasar ini digunapakai di kawasan Seberang Perai dapat dirumuskan beberapa perkara mengenai penerimaan masyarakat mengenai Dasar ini seperti berikut:

1. Ada lapisan masyarakat yang masih belum peka mengenai dasar.
2. Ada yang tahu tetapi malas untuk mengamalkan dengan alasan mereka sibuk dan ia menyusahkan.
3. Lapisan masyarakat yang maklum mengenai dasar ini dan mengamalkannya.

Pada minggu pertama selepas Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dilaksanakan, kutipan sisa kitar semula bagi kategori skim perumahan bagi

4891 buah premis yang diliputi beratannya sebanyak 4524kg. Pada minggu kedua pula, meliputi 12,689 buah premis beratan sisa kitar semula adalah 6954kg. Dan pada minggu ketiga dengan bilangan premis sebanyak 8785, sebanyak 5650 sisa kitar semula telah dikutip. Manakala minggu ke empat pula beratan kitar semula adalah 5046.5 bagi 16696 buah premis. Penurunan beratan sisa kitar semula pada minggu ketiga dan keempat pula adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu;

1. Kehadiran ramai pemungut barangan kitar semula pada hari Jumaat dan Sabtu.
2. Kehadiran ramai pembeli barangan kitar semula pada hari Sabtu.

Pihak MPSP terus menerus menjalankan aktiviti promosi dan pendidikan untuk memastikan setiap pihak memahami tugas dan peranan mereka dalam Dasar Pengasingan Sisa Di Punca. Ini dapat dilihat bagi data barangan kitar semula yang dikutip oleh MPSP pada minggu pertama dan ke dua bulan Julai. Terdapat peningkatan barangan kitar semula yang dikutip bagi minggu pertama Julai. Untuk 17,025 premis sebanyak 8764kg telah dikutip manakala bagi minggu kedua Julai 9015kg barangan kitar semula telah dikutip dari 17,230 buah premis.

Hadirin sekalian,

Untuk makluman semua, pada tahun 2015, Kawasan Seberang Perai telah mencapai kadar kitar semula sebanyak 39% dan ini telah melebihi sasaran kadar kitar semula yang ingin dicapai di peringkat kebangsaan pada tahun 2020 iaitu 22%.

Pulau Burung, lokasi di mana terletak tapak perlupusan sampah bagi Negeri Pulau Pinang, dijangka akan membuka Fasa Ketiganya dalam tempoh masa dua tahun lagi. Jangka hayat tapak pelupusan yang lengkap sempurna dengan *Material Recovery Facilities (MRF)* mampu bertahan sekitar 25 tahun dan dengan wujudnya pengasingan sisa di punca ini, maka jumlah sisa yang dihantar ke Pulau Burung akan dapat dikurangkan lagi.

Saban hari, sekitar 1,800 tan sisa dari negeri Pulau Pinang dilupuskan di Pulau Burung dengan kadar pecahan 1100 tan daripada MPSP, manakala 700 tan daripada MBPP.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 tipping free dalam sehari. Kita sedia maklum, tipping fee bagi satu

tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas tipping fee ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM4 juta.

Tuan-tuan puan-puan,

Sekali lagi, saya amat berterima kasih kepada pihak pengurusan Panasonic dan kakitangannya yang menjayakan aktiviti CSR di Taman Tunku ini. Faedah dari kerjasama ini bukan sahaja membawa kesan yang positif kepada Panasonic serta kakitangannya malahan turut memberi impak kepada penduduk sekitar serta masyarakat Seberang Perai amnya.

Saya dengan ini merasmikan Program CSR Panasonic Taman Tunku Seberang Jaya.

Sekian, terima kasih.